

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 9**  
**RUANGAN : NASIONAL**

18 murid dijangkiti virus influenza A

# Dua kelas Tahun 2 ditutup 11 hari

Notis dikeluar selepas perbincangan antara sekolah, Jabatan Kesihatan

Oleh Siti Sofia Md Nasir,  
 Siti Azila Alias,  
 Muhammad Yusri Muzamir  
 dan Nor Fazlina Abdul Rahim  
 bhnews@bh.com.my

**Butterworth:** Dua kelas Tahun 2 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Li Hwa, di sini, ditutup selama 11 hari bermula semalam selepas 18 murid dijangkiti virus influenza A.

Pengarah Pendidikan Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad, berkata notis penutupan semestinya itu dikeluarkan selepas perbincangan antara pihak sekolah dan Jabatan Kesihatan negeri.

"Pihak Jabatan Kesihatan negeri menasihatkan supaya dua kelas terbabit ditutup sehingga tarikh yang dicadangkan."

"Jangka masa yang diberikan itu juga adalah berdasarkan *incubation period of infection*. Selepas tempoh masa itu, ia boleh dijanggap bebas daripada kuman influenza," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Abdul Rashid berkata, dua kelas terbabit iaitu 2 Taat dan 2 Damai, masing-masing mempunyai 36



Notis penutupan sementara ditampal di dua kelas Tahun 2 SJKC Li Hwa, Butterworth, semalam. [Foto ihsan pembaca]

murid dengan jumlah keseluruhan murid di sekolah itu adalah 1,600 orang.

Di Selangor, Pengarah Pendidikan negeri, Dr Mahanom Mat Sam, berkata seramai 10 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Cyberjaya dijangkiti influenza A.

Katanya, semua murid terbabit diarah menjalani cuti kuarantin di rumah masing-masing.

Mereka masing-masing terdiri daripada enam murid lelaki dan empat pelajar perempuan yang berusia antara 5 hingga 12 tahun.

Ketika ini, tiada arahan penutupan sekolah atau kelas dikeluar-

kan kepada mana-mana sekolah di negeri itu.

Jabatan mengarahkan tindakan pencegahan awal dilakukan mengikut pekeliling dikeluarkan Kementerian Pendidikan.

"Bagaimanapun, doktor akan memantau tahap kesihatan mereka dari semasa ke semasa sebelum membenarkan kembali bersekolah-lah.

"Kita juga sudah mengarahkan semua sekolah melarang mana-mana murid yang tidak sihat daripada hadir ke sekolah sebagai langkah mengelak daripada penularan lebih banyak kes influenza

A," katanya ketika dihubungi BH.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan menjelaskan sedang meneliti perkembangan terkini wabak influenza A di semua institusi pendidikan, khususnya di sekolah susulan. Beberapa murid disahkan menghidap penyakit terbabit.

Katanya, kementerian melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Pendidikan Daerah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan melakukan pemantauan berterusan di sekolah yang terbabit dengan penularan wabak berkenaan.

"Pihak sekolah diingatkan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Pengawalan Penularan Wabak Influenza A dikeluarkan KPM."

"Penutupan sekolah hanya akan dibuat selepas mendapat nasihat Kementerian Kesihatan," katanya.

Di Kelantan, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata jabatan menempatkan pegawai dan kakitangan di pintu masuk antarabangsa sempadan Kelantan-Thailand bagi membuat saringan.

Katanya, pihaknya membuat kawalan infeksi di tiga pintu masuk di negeri berkenaan iaitu di Pengkalan Kubor, Rantau Panjang dan Jeli.

Beliau berkata, buat masa ini, tiada laporan diterima mengenai kes yang mempunyai gejala atau tanda-tanda membabitkan individu yang pernah melawat daerah Wuhan, China.

Di Johor, Pengarah Kesihatannya, Dr Arman Rabu, berkata kes influenza yang dilaporkan di negeri itu terkawal dan tidak ada tanda menjadi wabak.

"Tidak ada tanda wabak. Kita memantau secara komprehensif tanpa mengira la jenis A, B atau C kerana semuanya memberi kesan kepada sistem pernafasan," katanya dilaporkan BERNAMA.

Beliau juga berkata tidak ada laporan mengenai 'penyakit berkaitan pernafasan misteri' seperti yang berlaku di China di negeri itu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 47

RUANGAN : WILAYAH

*Tempat buang puntung rokok*

# KKM sokong KPKT

Cegah perokok buang di merata tempat, jaga kebersihan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menyokong usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan tempat pembuangan puntung serta habuk rokok di luar premis makan awam untuk golongan perokok.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata pihak KKM pernah turut mencadangkan kepada KPKT supaya mewujudkan tempat pembuangan puntung rokok atas faktor kebersihan.

Beliau berkata, ia berikutan kementeriannya sering menerima aduan awam mengenai masalah puntung rokok dibuang merata-rata sehingga menj



Lee Boon Chye

jaskan aspek kebersihan.

“Cadangan menyediakan tempat pembuangan puntung rokok itu memang daripada pihak KKM bagi mengelakkan perokok daripada membuangnya merata-rata.

“Kita tidak mahu perokok membuang puntung rokok merata-rata sehingga menimbulkan isu kebersihan sebagaimana banyak aduan yang kita terima berhubung perkara itu,” katanya ketika dihubungi BH, di sini.

Media sebelum ini melaporkan KPKT membenarkan pemilik restoran atau kedai makan sama ada milik persendirian atau pihak berkuasa tempatan (PBT), untuk menyediakan kawa-

san khas merokok di luar premis pada jarak sekurang-kurang tiga meter dari meja makan terdekat.

Namun, kawasan khas merokok yang turut disediakan tempat membuang puntung rokok itu tidak boleh dijadikan ruang makan dan minum oleh perokok.

Menterinya, Zuraida Kamaluddin, dipetik sebagai berkata usaha KPKT itu adalah bagi menyokong inisiatif KKM berhubung arahan larangan merokok di semua tempat makan awam mulai 1 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Dr Boon Chye berkata, bagaimanapun terpulang kepada KPKT berhubung penyediaan kawasan khas merokok itu kerana fokus KKM hanyalah melindungi hak individu yang tidak merokok daripada pencemaran asapnya.

“Kita hanya meminta diadakan tempat membuang puntung dan habuk rokok tetapi jika pihak KPKT membuat inisiatif tambahan (mengadakan bumbung dan tempat duduk), itu terpulang kepada mereka,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6A

RUANGAN : LOKAL

Oleh Siti Sofia Md Nasir  
dan Siti Azila Alias  
am@hmetro.com.my

Butterworth

Dua kelas tahun dua di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Li Hwa di sini, ditutup 11 hari bermula semalam selepas 18 murid dijangkiti virus influenza.

Pengarah Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad berkata, notis penutupan semestara itu dibuat selepas perbincangan antara pihak sekolah dan Jabatan Kesihatan negeri.

Jabatan Kesihatan negeri menasihatkan dua kelas terbabit ditutup sehingga tarikh dicadangkan.

"Jangka masa diberikan itu berdasarkan *incubation period of infection*.

"Selepas tempoh itu, ia boleh dijanggap bebas daripada kuman influenza," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Rashid berkata, dua kelas terbabit iaitu 2 Taat dan 2 Damai, masing-masing mempunyai 36 murid, dengan jumlah keseluruhan di sekolah itu 1,600 murid.

Tinjauan ke sekolah berkenaan mendapat notis permakluman berhubung penutupan dua kelas itu ditampal di pintu masuk kelas.

Notis terbabit antara lain memaklumkan kedua-dua kelas ditutup bermula jam 5 petang semalam sehingga kerja membasmikan kuman selesai.

Ini berikutnya kelas itu berkemungkinan menjadi lokasi wabak bermula atau menjadi punca iaitu merebak.


Selain itu, murid dan guru yang mengikuti kelas tam-bahan juga dilihat memakai penutup muka sebagai langkah pencegahan.

Difahamkan sekolah berkenaan hanya beroperasi sa-tu sesi iaitu pagi.

## KES INFLUENZA

# Dua kelas ditutup 11 hari

18 murid tahun dua SJKC Li Hwa dijangkiti virus



NOTIS penutupan yang ditampal di pintu kelas SJKC Li Hwa.

Pihak sekolah memak-lumkan, kes berkenaan ter-pencil dan meminta ia tidak digempar-gemburkan bagi mengelakkan suasana panik dalam kalangan ibu bapa serta murid.

Katanya, pihak sekolah sebelum itu menghantar laporan kepada Pejabat Pen-didikan Daerah (PPD) Se-berang Perai Utara (SPU) bagi memaklumkan beberapa murid positif influen-za.

"Pelajar dijangkiti influ-enza tidak hadir sejak Is-nin, jadi pihak sekolah buat laporan kepada PPD dan PPD memaklumkannya ke-pada Pejabat Kesihatan.

"Pejabat Kesihatan me-nungjungi sekolah semalam (kelmarin) untuk pemerik-saan. Pada jam 5 petang mereka menghubungi sekolah memberitahu dua kelas ter-babit perlu ditutup untuk tindakan pencegahan," ka-tanya.

Katanya, pihak sekolah menghebahkan mengenai penutupan kelas di Face-book tetapi tidak menyang-ka ia tular hingga menim-bulkan kegusaran dalam ka-langan ibu bapa.


GEJALA influenza menyebabkan demam selesama, batuk dan sakit kepala, sakit otot, sakit sendi dan kelesuan.



## CEGAH INFLUENZA

Bagaimana virus ini berjangkit:

- 1 Virus ini merebak melalui titisan salur pernafasan pesakit khususnya yang terhasil apabila pesakit batuk atau bersin.
- 2 Titisan cecair pernafasan itu mungkin mencemari tangan pesakit atau permukaan yang terdapat di persekitarannya.



- 3 Seterusnya, seseorang akan dijangkiti sama ada melalui pernafasan (apabila berada dalam jarak kurang daripada satu meter dari pesakit) atau apabila bersentuhan dengan permukaan tersernar.

## LANGKAH PENCEGAHAN

- Tutup mulut dengan tisu/sapu tangan apabila batuk atau bersin.**
  - Buang tisu dalam tong sampah
  - Segara cuci tangan dengan air dan sabun
- Gunakan penutup mulut dan hidung.**
  - Gunakan penutup mulut dan hidung jika anda sakit dan mengalami gejala seterusnya.
- Kerap cuci tangan**
  - Jaga kebersihan diri sepanjang masa
- Dapatkan vaksin influenza bermusim yang ditawarkan oleh fasiliti kesihatan swasta, khususnya bagi golongan berisiko tinggi**
  - Seperti kanak-kanak, warga tua, wanita mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik

## MENGALAMI SEBABANG GEJALA BERIKUT:

- |   |   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Demam</li> <li>• Batuk</li> <li>• Sakit tekak</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sakit badan</li> <li>• Sakit kepala</li> <li>• Sukar bernafas</li> </ul> |
|---|---|

Segera dapatkan rawatan lanjut sekiranya gejala menjadi bertambah teruk seperti demam dan batuk/sakit tekak yang berterusan.

Sumber: CPKC Kebangsaan KDN

FAHMY HASHIM INFOGRAPHIC

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6A

RUANGAN : LOKAL

RINGKAS

KKM tiada rekod setiap kes influenza

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum mengenai sejumlah berita yang tular dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia membabitkan peningkatan jangkitan Influenza.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jangkitan influenza tidak tertakluk kepada keperluan pelaporan atau notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Justeru, katanya, di peringkat KKM, tiada rekod bagi setiap satu kes jangkitan influenza di Malaysia.

"Bagaimanapun, KKM memantau aktiviti influenza menggunakan data proksi yang direkodkan daripada aktiviti survei membabitkan beberapa lokasi sentinel dikenal pasti dari seluruh negara.

"Bagi negara beriklim tropika seperti Malaysia, jangkitan influenza dilaporkan berlaku sepanjang tahun, namun dalam julat kecil," katanya dalam kenyataan media, semalam.

AKHBAR

: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN

: NASIONAL

## Bekalan vaksin influenza terhad, harga melonjak RM120

**KUALA LUMPUR -** Gara-gara panik dengan gejala influenza, harga vaksin bagi mencegah penyakit tersebut didapati meningkat sehingga 30 peratus di pasaran.

Difahamkan caj untuk suntikan vaksin influenza melonjak sehingga RM120 bagi satu suntikan disebabkan bekalan vaksin tersebut yang semakin terhad di klinik sekitar Lembah Klang.

Sebelum ini, harga bagi mendapatkan suntikan tersebut hanya sekitar RM80 sahaja di klinik swasta.

Menurut seorang penjawat awam yang hanya ingin dikenali sebagai Nurul, kebanyakannya rakan-rakannya memaklumkan tentang pengambilan vaksin tersebut.

"Selepas itu saya hubungi sebuah klinik berhampiran dengan rumah dan pihak klinik beritahu hanya tinggal satu sahaja lagi suntikan vaksin di klinik mereka.

"Pembantu klinik beritahu ramai orang sudah dapatkan suntikan sejak beberapa hari lalu," kata dia ketika ditemui di sini semalam.

Dalam pada itu, seorang suri rumah di Jalan Klang Lama, Yusnilah Yunus, 38, berkata, beberapa buah klinik dikun-



Permintaan terhadap vaksin virus influenza meningkat sehingga menyebabkan harganya melonjak sehingga RM120.

jungi di sekitar kediamannya semalam memaklumkan stok vaksin influenza di klinik mereka sudah kehabisan.

"Saya pergi ke tiga buah klinik di sekitar Taman Desa semalam tetapi tiada stok vaksin di klinik tersebut.

"Bagaimanapun, mereka memberitahu akan menghubungi saya jika sudah menerima bekalan vaksin baharu dengan harga satu suntikan RM90," katanya kepada *Sinar Harian*.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagaimanapun menyangkal dakwaan dan khabar angin yang menyatakan stok ubat-ubatan bagi merawat jangkitan influenza di fasiliti KKM tidak mencukupi atau sudah

kehabisan stok.

Menurut Program Perkhidmatan Farmasi KKM, berikutnya jangkitan influenza yang merebak dalam negara, pihak KKM turut mengambil inisiatif untuk mendapatkan bekalan tambahan daripada pembekal alternatif dalam memastikan stok ubat-ubatan mencukupi dan memenuhi permintaan.

Buat masa ini, keduakan stok Oseltamivir 75mg Capsule dan Oseltamivir 60mg/5ml Oral Suspension adalah mencukupi bagi menampung keperluan rawatan influenza di fasiliti KKM.

Jangkitan influenza turut dilaporkan boleh menyebabkan komplikasi radang paru-paru (pneumonia) yang seterusnya boleh membawa maut.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

# 19 murid dijangkiti influenza

Dua buah kelas Tahun 2 di SJKC Li Hwa ditutup selama 11 hari

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

**D**ua kelas Tahun 2 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Li Hwa di sini ditutup selama 11 hari bermula semalam selepas seramai 19 muridnya dijangkiti virus influenza.

Pengarah Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad berkata, Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) telah berbincang dengan pihak sekolah berkenaan dan mencadangkan agar dua kelas tersebut ditutup susulan jangkitan influenza.

Namun, katanya, ia terpulang kepada pengurusan sekolah berkenaan sama ada menerima cadangan tersebut atau sebaliknya.

Menurutnya, Pejabat Kesihatan Daerah SPU menerima tujuh notifikasi kes aduan influenza di SJKC Li Hwa pada jam 10 pagi kelmarin.

"Ujian saringan dijalankan di dua buah kelas melibatkan seramai 23 murid daripada 36 murid dari Kelas 2 Damai dan seramai 33 murid daripada 36 murid dari Kelas 2 Taat.

"Untuk Kelas 2 Damai, seramai 23 murid yang menjalani ujian saringan tidak menunjukkan simptom



Wakil Ahli Parlimen Bagan, KC Tan (dua dari kanan) menyerahkan bekalan topeng muka kepada pengurusan sekolah SJKC Li Hwa di Butterworth semalam.

jangkitan, manakala 13 murid lagi tidak hadir," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, 13 murid berkenaan terdiri daripada lima murid yang dijangkiti influenza A, tiga murid mempunyai simptom demam, batuk dan selesema dengan waris mereka telah membawa ke hospital untuk menerima rawatan, tiga murid dikuarantin oleh waris kerana bimbang dijangkiti, manakala dua lagi murid tidak dapat dihubungi.

Abdul Rashid berkata, bagi Kelas 2 Taat pula, kesemua 33 murid yang menjalani ujian saringan tidak menunjukkan simptom jangkitan.

"Bagi kelas tersebut, hanya tiga murid tidak hadir kerana dua murid

dijangkiti influenza A, manakala seorang lagi tidak dapat dihubungi. Sekolah tersebut mempunyai seramai 1,600 murid.

"Penutupan dua kelas berkenaan sehingga 18 Januari ini tetapi dibabkan 19 Januari adalah hari Ahad, maka pembukaan semula dua kelas itu pada hari Isnin, 20 Januari.

"Jangka masa yang diberikan adalah berdasarkan *incubation period of infection*. Selepas tempoh tersebut, kelas berkenaan boleh dipertimbangkan sebagai bebas daripada kuman influenza," katanya.

Sementara itu, Exco Kesihatan, Dr Afif Bahardin berkata, setakat ini hanya dua kelas di sekolah berkenaan ditutup kerana jangkitan influenza.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

# Influenza is contagious, not fatal, says doctor

## Specialist urges those who have recovered to vaccinate against virus

By LIEW JIA XIAN  
and N. TRISHA  
[north@thestar.com.my](mailto:north@thestar.com.my)

**BUTTERWORTH:** Influenza A (H1N1) may be spreading like wildfire but the disease is neither serious nor deadly, says a Penang Hospital consultant physician and infectious disease specialist.

Dr Leong Kar Nim, however, said while Influenza A was usually not fatal, people with certain conditions would be at higher risk of complications from flu.

"People with diabetes, liver, kidney and heart diseases, asthma and chronic lung disease, as well as pregnant women might need specific antiviral.

"Those with no such conditions do not need specific antiviral and they can take paracetamol to feel more comfortable.

"Influenza A is a virus and antibiotics will not work against it," he said in a phone interview.

Dr Leong said the disease usually presents itself all of a sudden and the symptoms could persist up to a week and sometimes even up to 10 days.

"You can be totally fine in the morning but by the afternoon you will be down with a fever, muscle ache, lethargy and a scratchy throat.

"You will feel very tired and as the hours progress, you will get a runny nose and cough," he said and advised the public to avoid travelling and to stay indoors.

"Cover your coughs and sneezes with a tissue or your hands. Wash your hands immediately after touching your nose or eyes.

"Wear a mask if you have to. When you are down with influenza, drink lots of fluids and keep well hydrated.

"After you have recovered from your battle with the flu virus, seriously consider vaccinating yourself and your family against it. You need one influenza vaccine every 12 months," he said.

At SJK (C) Li Hwa here, anxious parents brought their children home after 19 pupils from the primary school were infected with Influenza A.

A school spokesman said they received a directive from the district Health Department to close down two Year Two classes after some pupils were affected by the disease.

The spokesman said the directive came at 5pm on Tuesday and due to time constraints, the school's Parent-Teacher Association posted a notice on Facebook for parents from the two classes not to send their children to school.

In the Facebook post, it was stated that several pupils from the two classes were infected with Influenza A, and that all pupils from both classes have been exempted from school beginning yesterday to Jan 20.

State Health Committee chairman Dr Afif Bahardin said the Health Department would usually suggest the closure of premises if two or more cases of influenza were reported to investigate and carry out disinfection work.

"We urge parents to vaccinate their children if they have not caught it.

"If you suspect that your child might have it, take them to get the test done," he said, adding that operators of daycares and schools need to be responsible for hygiene in the premises.